



## JABATAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN

### PANDUAN NOTIFIKASI PENDAFTARAN SEMULA BAGI PEMEGANG KEKOMPETENAN SEDIA ADA OPERATOR DANDANG STIM

#### 1.0 PENDAHULUAN

Semua perakuan kekompetenan termasuk **Operator Dandang Stim** (sebelum ini dikenali sebagai **Drebar Enjin Stim / Boilerman**) yang dikeluarkan sebelum atau pada **31 Mei 2024** di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139) yang tidak mempunyai tarikh luput, **hendaklah membuat notifikasi** ke Jabatan untuk mendapatkan pendaftaran di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) sebelum **31 Disember 2024** mengikut syarat dan kaedah yang di tetapkan oleh Jabatan.

#### 2.0 SYARAT-SYARAT NOTIFIKASI PENDAFTARAN SEMULA

Notifikasi Pendaftaran Semula ini hanya boleh dimohon oleh Operator Dandang Stim yang mempunyai Perakuan Kebolehan Drebar Enjin Stim di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139) dalam bentuk fizikal (buku) **yang tidak mempunyai tarikh luput** di mana rekod pendaftaran Operator Dandang Stim tersebut tiada di dalam sistem MyKKP Jabatan.

#### 3.0 KAEDAH NOTIFIKASI PENDAFTARAN SEMULA

Bil.	Tatacara	Penerangan
3.1	<b>Pendaftaran Akaun MyKKP</b>	<p>a) Pemohon hendaklah membuat pendaftaran akaun MyKKP dan mendapatkan <b>ID Pengguna</b> dan <b>Kata Laluan</b> dengan melengkapkan maklumat seperti diminta.</p> <p>b) Akaun MyKKP ini adalah penting kerana selaras dengan kehendak Jabatan dalam mendigitalkan semua kekompetenan dan memudahkan urusan untuk tindakan lanjut Jabatan dan pemohon.</p> <p>c) Jika <b>akaun MyKKP tidak didaftarkan</b> oleh pemohon, <b>proses migrasi data tidak boleh dilakukan</b>.</p>

<p><b>3.2</b></p>	<p><b>Notifikasi ke Jabatan di JKPP Negeri</b></p>	<p>a) Pemohon hendaklah membuat notifikasi ke JKPP Negeri mengikut <b>lokasi tempat kerja terkini</b> melalui <b>emel</b>. Tajuk emel adalah “Notifikasi Pendaftaran Semula Perakuan Kebolehan Drebar Enjin Stim (Pemutihan)”.</p> <p>b) Pemohon juga hendaklah mengemukakan dokumen dan maklumat seperti di bawah:</p> <p>i. <b>Borang Kemaskini Rekod Operator Dandang Stim</b> (<i>Microsoft excel</i>); Borang ini hendaklah di lengkapkan secara bertaip melalui komputer.</p> <p>ii. <b>Salinan kad pengenalan</b> (muka depan dan belakang yang berwarna).</p> <p>iii. <b>Salinan perakuan kebolehan fizikal</b> (buku) gred yang tertinggi sahaja dan perlu terang dan jelas.</p> <p>c) Pihak Jabatan akan membuat semakan setelah menerima permohonan.</p> <p>d) Senarai emel mengikut negeri:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. JKPP WP Kuala Lumpur – (<a href="mailto:jkkpwp@mohr.gov.my">jkkpwp@mohr.gov.my</a>)</li> <li>ii. JKPP Selangor – (<a href="mailto:jkkpsl@mohr.gov.my">jkkpsl@mohr.gov.my</a>)</li> <li>iii. JKPP Johor – (<a href="mailto:jkkpjh@mohr.gov.my">jkkpjh@mohr.gov.my</a>)</li> <li>iv. JKPP Perak – (<a href="mailto:jkkppk@mohr.gov.my">jkkppk@mohr.gov.my</a>)</li> <li>v. JKPP Sarawak – (<a href="mailto:jkkpsw@mohr.gov.my">jkkpsw@mohr.gov.my</a>)</li> <li>vi. JKPP WP Labuan – (<a href="mailto:jkkpwplb@mohr.gov.my">jkkpwplb@mohr.gov.my</a>)</li> <li>vii. JKPP Melaka – (<a href="mailto:jkkpmk@mohr.gov.my">jkkpmk@mohr.gov.my</a>)</li> <li>viii. JKPP Pahang – (<a href="mailto:jkkpph@mohr.gov.my">jkkpph@mohr.gov.my</a>)</li> <li>ix. JKPP Terengganu – (<a href="mailto:jkkptg@mohr.gov.my">jkkptg@mohr.gov.my</a>)</li> <li>x. JKPP Perlis – (<a href="mailto:jkkpps@mohr.gov.my">jkkpps@mohr.gov.my</a>)</li> <li>xi. JKPP Negeri Sembilan – (<a href="mailto:jkkpns@mohr.gov.my">jkkpns@mohr.gov.my</a>)</li> <li>xii. JKPP Kedah – (<a href="mailto:jkkpkd@mohr.gov.my">jkkpkd@mohr.gov.my</a>)</li> <li>xiii. JKPP Pulau Pinang – (<a href="mailto:jkkppp@mohr.gov.my">jkkppp@mohr.gov.my</a>)</li> <li>xiv. JKPP Kelantan – (<a href="mailto:jkkpkn@mohr.gov.my">jkkpkn@mohr.gov.my</a>)</li> <li>xv. JKPP Sabah – (<a href="mailto:jkkpsb@mohr.gov.my">jkkpsb@mohr.gov.my</a>)</li> </ul>
<p><b>3.3</b></p>	<p><b>Proses Migrasi Data</b></p>	<p>a) Data pemohon akan dimigrasikan ke dalam sistem MyKPP.</p>

		<p>b) Pemohon boleh membuat semakan dengan melihat Profil Orang Yang Kompeten di ruangan Profil Pemohon pada akaun MyKKP atau semakan OYK (melalui Portal DOSH/ Semakan/ Kelulusan/ Orang Kompeten) dalam tempoh <b>14 hari</b> dari tarikh permohonan dibuat. <a href="https://www.dosh.gov.my">https://www.dosh.gov.my</a></p> <p>c) Tiada surat kelulusan dan slip perakuan pendaftaran dikeluarkan, pemohon boleh menggunakan Profil Orang Yang Kompeten sebagai bukti Perakuan Pendaftaran yang sah.</p> <p>d) Tempoh sah pendaftaran adalah 3 tahun dari tarikh yang diluluskan.</p>
--	--	--

#### **4.0 Fi**

Tiada fi dikenakan bagi permohonan ini.

#### **5.0 PEMAKLUMAN**

Jika gagal membuat notifikasi kepada jabatan sebelum atau pada 31 Disember 2024, perakuan kekompetennya adalah dianggap terbatal dan tidak lagi boleh mengendali atau menjaga dandang stim mengikut Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan)2024.

#### **DISEDIAKAN**

**Unit Peperiksaan dan Persijilan**

**Bahagian Keselamatan Industri**

**JKKP Ibu Pejabat**